

MSM, Wilmar Sugar kerjasama tingkat rantai bekalan gula

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) menjalin kerjasama dengan Wilmar Sugar Pte Ltd (Wilmar Sugar) bagi mengukuhkan rantai bekalan bagi gula yang lebih lestari.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata kedua-dua syarikat akan memulakan usaha bersama bagi membantu dan menyokong satu sama lain merintis pendekatan bagi membolehkan penyumberan gula mentah yang lestari.

Beliau berkata, ia terutama dalam rantai bekalan selain memberi tumpuan kepada pelaporan kebolehdan bekalan gula dan pemantauan prestasi kemampanan berdasarkan Polisi Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Eksploitasi Buruh (NDPE).

“Hasil daripada kerjasama dengan Wilmar Sugar dan program kemampanan NDPE membolehkan MSM mewujudkan kebolehdan gula mentah konkrit dan amalan mampan selaras dengan Komitmen rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan

Tadbir Urus (ESG) MSM,” katanya dalam satu kenyataan.

Wilmar International Limited (Wilmar), syarikat induk Wilmar Sugar sebelum ini memperkenalkan NDPE.

Langkah MSM dan Wilmar Sugar itu adalah kesinambungan bagi melindungi alam sekitar, buruh dan komuniti sambil menggalakkan kemajuan dalam kecekapan operasi dan amalan terbaik.

Syed Feizal berkata, kumpulan bergerak pantas bagi memastikan dapat mewujudkan kelestarian dalam operasi dan perniagaannya.

“MSM menyasar untuk mendapatkan sumber gula mentah yang lestari bermula dengan pengeluaran pasaran tempatan.

“Kerjasama dengan Wilmar Sugar ini membawa selangkah lebih jauh dalam meningkatkan komitmen ESG kami dan mengukuhkan kehadiran ke pasaran global sebagai penapis gula premium yang lestari.

“Ia juga akan mengukuhkan lagi kedudukan MSM sebagai antara lapan pengeluar gula berse-

padu terbaik di dunia,” katanya.

Melalui program bersama itu, MSM akan meningkatkan nilai mampannya dan menunjukkan sokongannya ke arah Matlamat Pembangunan Mampan Penggunaan Sumber Secara Bertanggungjawab (SDG12).

MSM juga bersedia untuk meningkatkan pengeluarannya pada 2022.

Ketika ini, kumpulan mengendalikan dua kilang penapisan gula iaitu di Prai, Pulau Pinang dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis yang juga kilang penapisan gula terbesar negara serta di Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti pengeluaran tahunan sejuta tan gula bertapis.

Wilmar Sugar pula mengendalikan perniagaan gula bersepadu merentasi keseluruhan rantai nilai daripada ladang tebu kepada pemprosesan, perdagangan dan pengedaran.

Kumpulan itu mengendalikan kilang gula, loji penjanaan bersama, kilang penyulingan etanol dan penapisan gula di seluruh dunia.

Media: Berita Harian

Date: 16 February 2022